

Pak Lah-Dr Mahathir Diseru Berdamai

Era Baru - 18/8/2006

ANTARA
YANG
MENARIK



IDRIS
TULIS
MENULIS
Muka 4-5



Muka 3

Benarkah Presiden
George Bush Jatuh
Hati Dengan
Condoleezza Rice?



Muka 10

ANWAR
SIMPAN FAIL
RAFIDAH?



Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi



Tun Dr Mahathir Mohamad

Oleh: IDRIS TULIS

SEDANG saya minum kopi seorang diri di restoran McDonald di Ampang Park pagi Ahad lalu fikiran saya melayang kepada apa yang sedang berlaku dan apa yang akan berlaku kepada orang Melayu ekoran dari perbalahan yang wujud di antara bekas Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sehingga terlupa saya kepada hari ulangtahun **ERA BARU** yang ke 12 yang juga hari kelahiran saya.

Dalam masa yang sama timbul perasaan sedih dan kebimbangan yang amat sangat mengenangkan nasib orang Melayu di tanah air sendiri yang selama ini selamat dan ber-

jaya apabila bergantung kepada kesegaran dan kekuatan UMNO itu sendiri dan juga kepada perpaduan erat di antara orang-orang Melayu yang dipimpin oleh 5 orang Perdana Menteri yang sentiasa menjaga kepentingan dan hak-hak orang Melayu.

Sambil itu, terbayang semula kepada saya peristiwa wa lampau di kala mana bekas Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO dan **Bapa Kemerdekaan** yang telah begitu banyak berkorban dan bertanggungjawab memerdekakan tanah air ini setelah dijajah selama hampir 500 tahun.

Pemimpin dan negarawan yang saya maksudkan di sini ialah almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang saya amat fahami tentang perasaan sedih dan hiba beliau apabila beliau dipinggirkan oleh para pemimpin UMNO setelah tidak lagi berkuasa dan meninggalkan UMNO yang disayanginya

12
Ulangtahn Ke-12
4 Ogos 1994-4 Ogos 2006

• LIHAT MUKA 2



SELAMAT MENYAMBUT
HARI KEMERDEKAAN KE-49 **31 Ogos 2006**

• DARI MUKA 1

PAK LAH-DR MAHATHIR DISERU BERDAMAI

BERITA MINGGU

'Dr M cuba jatuhkan PM'

Nazri sedia tampil sebagai pendekar Umno untuk bela parti


Benarkah dakwaan Nazri bahawa Dr Mahathir cuba 'jatuhkan' Pak Lah sebagai PM? Tapi Shahidan tak kata begitu!

Dr. Mahathir mahu jawapan, bukan kuasa

KANGAR 14 Ogos - Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berdebat dengan pendatang ahli Majlis Tertinggi MAMNO Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam sidang media di sini pada Selasa. Beliau berkata, beliau tidak mahu jawapan yang bersifat politik, tetapi beliau mahu jawapan yang bersifat jujur dan terbuka. Beliau berkata, beliau mahu jawapan yang bersifat jujur dan terbuka, bukan jawapan yang bersifat politik.



Keratan akhbar 'Utusan Malaysia' bertarikh 15 Ogos 2006



Penulis bersalam erat dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu menjadi Menteri Luar Negeri. Pada 12 Disember 1987 ketika Pak Lah berada di luar Kerajaan kerana tidak terpilih dalam kabinet Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun), Pak Lah telah meminta penulis yang pada masa itu belum lagi

Nazri bidas ahli Umno pura-pura bela Pak Lah

Tindakan Dr Mahathir tetap dianggap pecah belahkan parti

Keratan akhbar 'Berita Harian' bertarikh 15 Ogos 2006

BERJASA

pada 28 Julai lalu, rakyat sungguh kesal di atas kejadian itu di mana Dr Mahathir telah disembur dengan pemedih mata selain dari disekat dari berucap kepada ahli-ahli UMNO. Dr. Mahathir hampir pingsan akibat semburan itu. Mujurlah Dr Mahathir tidak menghadapi kesan yang serius.

Namun, cuba kita lihat kepada gambar Dr. Mahathir yang disiarkan di sini akibat terkena semburan itu. Pa tutkah ini dilakukan terhadap bekas pemimpin UMNO yang pada suatu ketika kita sanjung dan agung-agung kan di atas kehebatannya? Kenapa rakyat kita begitu cepat lupa dan tidak mahu menghargai dan mengenang jasa beliau? Alangkah malunya kita orang Melayu yang sanggup melukakan hati seorang pemimpin sendiri yang telah banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara? Benarlah seperti kata Dr. Mahathir 'Melayu Mudah Lupa!'

Berdasarkan kepada apa yang saya dengar dan lihat, keyakinan rakyat dari semua golongan terhadap Kera



untuk bersama dengan Parti Melayu Semangat 46 sebagai penasihatnya.

Sesungguhnya, walaupun Tunku tidak lagi berada dalam UMNO, beliau sering menyatakan kepada saya supaya menjaga UMNO itu dengan baik, beri ia baja dan disiram selalu supaya ia dapat hidup subur dan kuat. "Itulah satu-satunya Parti orang Melayu yang telah menyelamatkan orang Melayu dan Raja-raja Melayu dan tempat orang Melayu menumpang berteduh di musim hujan dan panas", katanya bersungguh-sungguh.

Saya tidak dapat melupakan peringatan Tunku itu walaupun telah meninggalkan kita 16 tahun dahulu. Tunku sepatutnya tidak perlu bersusah payah mengingatkan orang Melayu sedemikian kerana beliau sudah menyertai parti pembangkang, tetapi rupa-rupanya jiwa beliau masih bersama UMNO dan amat sayang kepada bangsanya, orang Melayu dan negara ini.

Justeru, bagaimanakah agaknya perasaan Tunku jika beliau masih hidup dan menjadi saksi kepada apa yang berlaku kini, di mana pemimpin-pemimpin UMNO bertelagah sesama sendiri dan sedikit sebanyak telah mengugut perpaduan orang Melayu? Mengapa pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO seolah-olah membiarkan semua ini berlaku dan berterusan? Dimanakah salah silapnya?

Sebagai ahli dan orang UMNO, saya amat sedih melihat apa yang dilihat berlaku kebelakangan ini dengan para pemimpin UMNO menyuarakan perasaan dan pandangan mereka untuk menegakkan kebenaran. Untuk berlaku adil, setelah mendengar ulasan dan jawapan dari ke dua-dua pihak berkaitan dakwaan Tun Dr Mahathir, tentang beberapa isu yang menjadi punca kepada perbalahan ini, saya yakin iaitu jika ibu pejabat UMNO yang diketuai Setiausaha Agungnya, cepat-cepat mengambil usaha atau tindakan mengatasi nya.

Ya boleh diselesaikan dengan baik. Yang je las kini, Tun Dr Mahathir masih tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan UMNO. Maka dengan keadaan yang tegang ini tidak mudah untuk di kendurkan apatah lagi keadaan diburukkan dengan adanya pihak-pihak ke tiga yang campur tangan dan memukul gendang.

Saya sebenarnya tidak mahu menyebelahi sesiapa dan siapalah saya ini untuk mengadili tetapi dalam isu AP misalnya saya memihak kepada dakwaan bekas Perdana Menteri kerana saya tahu MITI telah tidak berlaku adil dalam pembahagian AP terutama sekali apabila 2 orang sahaja yang bertuah mendapat 30,000 AP sebulan.

Mereka ini juga tidak mempunyai bilik pameran seperti yang disyaratkan oleh MITI selain dari menjual AP. Mengapa ini berlaku dan sehingga kini mereka masih mendapat kuota yang sama biarpun telah didedahkan kegiatan mereka yang salah.

Menyentuh tentang peristiwa sedih yang berlaku kepada Dr. Mahathir di Kota Bharu

terlibat dalam akhbar, supaya membantu beliau dengan memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau tidak terlibat dengan Team 'B' yang ketika itu diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau berkata bahawa semua kritikan dan dakwaan terhadap beliau yang telah menyertai Team 'B' tidak benar sama sekali. Penulis telah berjumpa dengan Dr Mahathir untuk memberitahu beliau tentang penjelasan Pak Lah di Lapangan Terbang Subang sebelum Dr Mahathir berlepas ke Manila, Filipina.

jaan dan pucuk pimpinan kini semakin menurun. Ini ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan dengan harga barang-barang keperluan semakin meningkat dan menyusahkan rakyat. Sudah tidak syak lagi, parti-parti pembangkang mengambil kesempatan ini untuk mengutar strategi untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang apabila melihat para pemimpin dalam UMNO terus bertelagah dan bukannya berusaha mencari jalan penyelesaian kepada kemelut yang dihadapinya.

Rasanya, tidak adil bagi Pak Lah berhadapan dengan masalah ini tanpa dibantu oleh ahli-ahli yang duduk dalam Majlis Tertinggi dan kabinet. Saya difahamkan juga tidak ada rombongan yang diatur untuk berjumpa dengan Dr. Mahathir untuk memujuk dan menerangkan dengan lebih telus kepada segala pertanyaan yang di bangkitkan beliau selama ini.

Saya berasa kasihan kerana Dr. Mahathir terpaksa berperang seorang diri untuk mempertahankan pendiriannya kerana orang-orang yang pernah berada di bawah beliau suatu ketika dahulu tidak lagi menghormati beliau sebaliknya mencera beliau dengan kata-kata yang kesat.

Mungkin Dr. Mahathir telah melakukan kesilapan kerana menegur perkara yang salah. Beliau ada membuat pengakuan di atas beberapa kesilapan ketika menerajui Kerajaan. Beliau tidak mahu melihat kesilapan yang sama berlaku kepada Pak Lah.

Beliau tahu apa yang merugikan bangsa Melayu dan negara selain dari mahu menjaga keselamatan negara kerana sayangkan UMNO, orang Melayu dan tanah air.


Justeru, beliau sanggup 'berperang' seorang diri biarpun nama beliau yang harum kini sudah tercemar. "Apakah salah saya, saya dipinggirkan? Apakah salah saya membuat teguran

• LIHAT MUKA 23

Beginilah keadaan yang menyedih dan memilukan hati menimpa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah berjaya mempertahankan kedaulatan negara dan membuatkan negara terkenal ke seluruh dunia setelah disembur dengan pemedih mata ketika hendak berucap kepada ahli-ahli UMNO yang menunggu ketibaan beliau di Lapangan terbang di Kota Bharu pada 28 July, 06. Gambar ini dipetik dari akhbar 'Straits Times' Singapura. Benarkah dakwaan bahawa insiden itu dilakukan oleh orang tertentu untuk menggagalkan hasrat Tun Dr Mahathir bercakap kepada ahli-ahli UMNO di Kelantan.

PAK LAH-DR MAHATHIR DISERU BERDAMAI

Dr Mahathir kelihatan mesra dengan almarhum > YTM Tunku ketika bertemu di PWTC di Hari Wanita Yang Ke-40



dan mahukan jawapan kepada soalan saya?" Itulah sahaja yang beliau mahukan.

Saya kesal kerana ada sesetengah pemimpin UMNO yang tergamak mengeluarkan kenyataan pedas dan tidak bertanggungjawab dengan mendakwa bahawa kononnya Dr Mahathir sebagai punca kepada perpecahan UMNO dan turut merancang untuk menjatuhkan Datuk Seri Abdullah sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Saya berpendapat anggapan sedemikian sebagai amat keterlaluan dan tidak masuk akal kerana seperti mana yang kita sedia maklum Tun Dr Mahathir adalah pemimpin yang terlalu sayangkan UMNO serta perpaduan dan sanggup melakukan apa sahaja demi untuk kepentingan parti dan orang Melayu dan sebagai contoh setelah terkeluar dari parti beliau kembali semula ke pangkuan UMNO.

Seperkara lagi yang perlu kita ketahui ialah Dr. Mahathir akan tetap menyuarakan pendapatnya yang ikhlas sekiranya beliau merasakan sesuatu perkara itu tidak betul walaupun pahit untuk diterima dan tidak kena pada masa dan tempatnya.

Harus diingat apa yang Dr. Mahathir suarakan bukanlah sesuatu yang baru kerana tokoh-tokoh dunia seperti George Soros, Perdana Menteri Australia (bekas), Paul Keating dan bangsa Yahudi juga dikritik oleh Dr. Mahathir. Itulah sifat ketegasan Dr. Mahathir yang telah membuat bangsa Melayu dipandang tinggi dan disegani dunia. Cuma dalam hal ini mungkin ada ahli-ahli UMNO yang kurang senang kerana teguran Dr. Mahathir itu dilihat boleh menggugat perpaduan di dalam UMNO dan seterusnya kedudukan mereka sendiri.

Saya harap untuk kebaikan orang-orang Melayu dan UMNO, para pemimpin parti khususnya Majlis Tertinggi (MT) akan segera berusaha untuk menyelesaikan masalah ini sebelum keadaan bertambah parah dan sukar untuk dibetulkan. Tidak kisah siapa yang salah, yang pentingnya kedua-dua pemimpin Melayu itu mesti dipertemukan dan bersemuka secepat mungkin tanpa mengenakan sebarang syarat. Saya yakin perkara ini boleh dilakukannya jika ada kejujuran dan keikhlasan dari kedua-dua pihak.

Saya sedar bahawa saya mungkin tidak layak untuk menyeru Pak Lah dan Dr. Mahathir untuk mencari penyelesaian dan berbaik semula dengan berdamai, tetapi saya berani kerana saya telah kenal lama dengan kedua-dua pemimpin ini dan mereka juga kenal saya. Ketika Pak Lah menjadi Menteri Luar Negeri, saya sering mengikuti beliau untuk membuat liputan sehingga ke Afrika Selatan di kala mana Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Kami dari media sering dipanggil oleh Pak Lah dan berkum pul di kamar beliau untuk berbual dan berbincang termasuklah Kalimullah Hassan. Apabila beliau tidak dilantik menyertai kabinet Dr. Mahathir pada tahun 1987, beliau pernah meminta pertolongan dari saya untuk menjernihkan hubungan beliau dengan Dr. Mahathir kerana ketika itu beliau didakwa sudah menyertai TEAM 'B' yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam (Tun).

Beliau mahukan saya menjelaskan tentang kedudukan dan pendirian beliau yang sebenar kepada Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Perdana Menteri. Saya telah tawakan permintaan Pak Lah apabila menemui Dr Mahathir di Lapangan Terbang Subang sebelum Dr Mahathir berlepas ke Manila, Filipina. Peristiwa itu berlaku di kediaman Pak Lah di Bangsar pada 12 Disember 1987.

Juga Pak Lah ketika berada di luar Kerajaan, beliau juga dipinggirkan oleh ahli-ahli UMNO kerana tiada jawatan lagi. Suatu hari beliau dengan baik hati mengajak saya menaiki keretanya dari Ibu Pejabat UMNO dan menghantar saya balik ke pejabat di Wisma Central kerana saya tidak ada kenderaan setelah menghadiri Hari Wanita yang ke 40 di PWTC.

Pada Majlis tersebut saya telah membawa Tunku sebagai tetamu khas di majlis tersebut (ketika itu Tunku menjadi penasihat Parti Semangat 46) yang turut dihadiri oleh Tun Hussein Onn, Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba (Tun). Di dalam kereta, Pak Lah memberitahu saya bagaimana beliau begitu menghargai usaha-usaha saya kerana sentiasa berdamping rapat dengan Tunku kerana Bapa Kemerdekaan itu tidak dipedulikan lagi oleh pemimpin-pemimpin UMNO.

Pak Lah juga memuji dan berterima kasih kepada saya kerana berjaya mendamaikan Tunku dengan Dr. Mahathir kemudiannya.

Hubungan saya dengan Dr. Mahathir sudah begitu lama terjamin iaitu sejak tahun 1964 lagi. Ketika itu beliau menjadi ahli De-

wan Rakyat bagi Kota Setar, Kedah. Saya pernah bekerja di pejabat beliau di Kuala Lumpur. Sehingga kini hubungan saya dengan pemimpin itu masih kekal dan saya tahu benar cara beliau bekerja dan berfikir.


Ketika berlaku perselisihan faham antara beliau dengan Tunku di atas soal prinsip dan cara mentadbir negara, dimana Tunku sering mengkritik dan berterus terang dengan pendapatnya jika terdapat perkara-perkara yang tidak betul, beliau tidak teragak-agak membuat teguran. Maka berlakulah perselisihan faham dan kata-mengata apabila ahli-ahli UMNO yang menyokong dan mempertahankan kedudukan Dr. Mahathir begitu lan tang bercakap dan mencemoht Tunku dan Tunku pula menjawab untuk mempertahankan diri.

Tetapi syukur kerana kesudahannya kedua-dua tokoh itu bertaut semula apabila Dr. Mahathir sanggup berdamai dengan merendahkan diri untuk datang mengadap Tunku dan mencium tangannya seraya memohon maaf ketika mereka bertemu di pejabat Tunku di Kuala Lumpur pada 1989. Saya tidak boleh melupakan kepada peristiwa bersejarah itu kerana selama hampir dua tahun saya sebagai seorang diri untuk merapatkan ke dua-dua pemimpin ini yang tidak diketahui oleh sesiapa melainkan keluarga saya. Saya kesalkan, tidak ada pemimpin UMNO ketika itu yang sanggup tampil ke hadapan untuk berbuat sesuatu untuk mendamaikan mereka.

BERDENDAM

Dr. Mahathir yang menjadi Presiden UMNO, telah menerima semula penyertaan Tengku Razaleigh dan para pengikutnya dari Parti Melayu Semangat 46 ke dalam UMNO dengan hati terbuka. Malah terdapat ramai bekas-bekas pemimpin Parti Melayu S46 diberi peluang berada dalam kabinet Dr. Mahathir dan Pak Lah kini. Ini menunjukkan bahawa Tun Dr Mahathir tidak pernah berendam dan melakukan apa sahaja untuk kepentingan UMNO dan perpaduan umat Melayu.

Justeru itu, saya percaya bahawa Tun Dr Mahathir dan Datuk Seri Abdullah masih boleh duduk semeja dan saling bermaaf-maafan demi untuk kepentingan UMNO, umat Melayu dan negara yang tercinta ini. Barangkali juga pada anggapan saya, Pak Lah dan Dr. Mahathir sebelum ini mendapat laporan atau maklumat yang tidak betul dan tepat dari pihak tertentu yang sengaja mahu memanaskan keadaan supaya api pengeseran mereka terus menyala bagi membolehkan mereka mencapai matlamat atau agenda peribadi masing-masing, tanpa memikirkan akibat buruk yang akan menimpa UMNO dan nasib orang Melayu di negara ini. Bagi saya apa yang berlaku ketika ini bolehlah dianggap seperti yang pernah berlaku kepada Tunku dan Dr. Mahathir pada tahun 1987-1988 tetapi itu lebih serius lagi kerana ketika itu Tun



Penulis ketika berbincang dan menyakinkan YTM Tunku supaya tidak meninggalkan UMNO



GAMBAR BERSEJARAH - Setelah berselisih faham selama beberapa tahun di antara bekas Perdana Menteri, YTM Tun Abdul Rahman Putra Al-Haj (almarhum) dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Tun) akhirnya berjaya ditemukan oleh penulis (yang berdiri di tengah-tengah) dalam suasana penuh kemesraan dari kasih sayang kerana ke dua-dua pemimpin itu sanggup mengesepikan sengketa dan salah faham dan lebih mengutamakan kepada perpaduan orang Melayu melalui UMNO. Ketika itu Tunku adalah penasihat kepada Parti Melayu Semangat 46 dan biarpun Tunku sudah keluar dari UMNO beliau masih sayang kepada parti Melayu itu dan sanggup berbuat apa sahaja untuk melihat parti tersebut hidup segar dan orang-orang Melayu selamat berada di bawahnya. Tak mungkinkah peristiwa serupa boleh berulang dengan Pak Lah menemui Dr Mahathir untuk berdamai dan bagi perpaduan bangsa Melayu dan UMNO?

ku berada dalam parti pembangkang. Kepada Pak Lah saya harap ambillah teguran dan kritikan Dr. Mahathir itu sebagai ingatan ikhlas dan jujur dari seorang pemimpin yang begitu banyak pengalaman. Lagipun Pak Lah sudah berada di bawah Dr. Mahathir bertahun-tahun lamanya dan sudah mengetahui cara beliau dari dekat dan sebagai kata Dr. Mahathir dalam beberapa ucapan nya, "Pak Lah begitu baik dengan saya ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, Kami bantu membantu dan tidak pernah ada masalah".

Kepada Dr. Mahathir pula pendekatan yang digunakan untuk membuat teguran terhadap Pak Lah mungkin dianggap kurang sesuai dan 'personal' pada pandangan ahli-ahli UMNO. Apa yang pasti Pak Lah dan Dr. Mahathir adalah pemimpin yang kita semua hormati dan kasihan untuk terus membela nasib orang Melayu di bawah UMNO kerana perjuangan orang Melayu masih belum selesai dan masih jauh perjalanannya.

Justeru, saya yang kerdil ini dengan rendah diri merayu kepada Pak Lah dan Dr. Mahathir agar mengesepikan perselisihan faham dengan bertemu muka secepat mungkin tanpa perlu dihadiri oleh orang tengah. Dalam pertemuan itu nanti, mereka bolehlah mencurahkan perasaan masing-masing dan ketidakpuasan hati. Tetapi yang penting juga untuk menjayakan perjumpaan itu, ke dua-dua pemimpin kenalah sanggup bertolak ansur, berterus-terang dan mengukui di atas kesilapan yang telah berlaku dan sanggup membetulkan yang salah.

Saya juga merayu dengan seikhlas-ikhlasnya kepada penyokong-konyokong dari ke dua-dua pihak supaya berhenti mengapi-apikan keadaan yang agak panas ini. Biarkan mereka berdua menyelesaikan apa juga masalah yang timbul tanpa nasihat dari mana-mana pihak. Lagipun di bulan yang mulia yang bakal tiba tidak lama lagi, ketika umat Islam akan berpuasa sesuai benarlah bagi ke dua-dua pemimpin itu berdamai dan mengambil iktibar dari kekusutan yang telah berlaku.

Rakyat khususnya, orang Melayu akan sentiasa men doakan agar ke dua-dua pemimpin yang dihormati dan disayangi itu akan berusaha bersungguh-sungguh untuk berdamai dan bersatu semula supaya keyakinan terhadap UMNO dan Kerajaan akan kembali pulih.

Akhir sekali, saya ingin memohon berbilang maaf kepada ke dua-dua pemimpin yang saya amat hormati dan kasihan kerana memandai-mandai mengesyorkan supaya ke dua-dua pemimpin negara ini berdamai, teta pi saya mempunyai niat yang baik dan murni untuk cuba menjernihkan keadaan yang berpecah belah dan mampu nyai kepentingan apa-apa melainkan kepentingan negara dan bangsa berada dalam keadaan aman, damai dan selamat. Menjadi harapan saya dan rakyat juga yang menyokong kerajaan supaya jika ada isu-isu yang telah mengganggu rakyat supaya ia dapat diperbetulkan agar Pak Lah boleh menumpukan sepenuh masanya kepada Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) bagi mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.